

**TEKS UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA  
PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR  
NAIB CANSELOR UiTM**

**SEMPENA**

**INNOVATION AND INVENTION CHALLENGE IN  
ENGINEERING AND TECHNOLOGY  
(IICET2023)**

**5 SEPTEMBER 2023 | SELASA | 3 PETANG**

**DEWAN MAWAR,  
KOLEJ MAWAR UiTM**

**Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**[Salutasi]**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,**

**Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama dalam **Majlis “Innovation and Invention Challenge in Engineering and Technology”**.

2. Terlebih dahulu, tahniah saya ucapkan kepada Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) atas komitmen dan usaha berterusan dalam meningkatkan kualiti penyelidikan serta pembangunan produk hasil inovasi

para penyelidik. Ini adalah seiring dengan aspirasi Malaysia untuk menerapkan Ekosistem Inovasi, iaitu sebahagian daripada Blueprint Peralihan Pendidikan Malaysia ke-7.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Dalam menyediakan pendidikan inovatif dengan infrastruktur dan teknologi terkini ke arah menjadi sebuah universiti dikenali dunia menjelang 2025, UiTM amat mengalu-alukan penganjuran program-program sebegini. Yang mana ia dapat memberi peluang kepada ahli akademik dan para penyelidik untuk mempromosi, mempamer dan mengkomersial idea kreatif dan produk hasil ciptaan mereka.

4. Penganjuran pertandingan dengan tema **"Synergizing Creativity and Innovation in**

**Engineering, Science, and Technology towards a Sustainable Future**”, mencerminkan nilai dan komitmen yang tinggi untuk mengalakkan penglibatan bidang kejuruteraan sains dan teknologi dalam pertumbuhan sosio-ekonomi negara.

5. Perlu kita akui, bahawa dunia hari ini semakin kompleks dengan pelbagai cabaran kesan dari perubahan iklim dan Revolusi Perindustrian 4.0. Justeru, kita perlu menggabungkan kreativiti dan inovasi untuk mencipta penyelesaian yang relevan, berkesan, serta mampan.

6. Sebagai warga akademik, pastinya kita bertanggungjawab melahirkan generasi yang tidak hanya mahir dalam teknologi, tetapi juga memiliki daya imaginasi yang tinggi untuk mencipta solusi baharu.

7. Melalui pertandingan yang dianjurkan ini, kita juga dapat mengumpulkan pakar-pakar dari pelbagai latar belakang merangkumi pihak industri, organisasi korporat mahupun universiti untuk berkongsi hasil ciptaan, inovasi dan teknologi baharu. Secara tidak langsung, ia membuka peluang kerjasama dan saling bertukar pendapat yang boleh mewujudkan ekosistem sokongan bagi memupuk inovasi baharu.

8. Bidang kejuruteraan memainkan peranan yang amat penting dalam mengatasi cabaran kompleks pada hari ini. Bermula dari penemuan teknologi maklumat yang merevolusikan cara kita berkomunikasi, hingga ke inovasi dalam bidang perubatan yang menyelamatkan nyawa. Kita saksikan impak yang boleh dicapai melalui usaha kolaboratif dalam mencipta penyelesaian yang mantap dan berkesan.

9. Saya percaya bahawa setiap inovasi yang dihasilkan hari ini akan memberikan sumbangan yang penting kepada perkembangan sains dan teknologi serta dapat memberikan penyelesaian terhadap masalah global yang semakin meruncing.

**Para hadirin sekalian,**

10. Saya berharap, penganjuran program sebegini diteruskan bagi memupuk minat dan memberi galakan kepada warga akademik dan penyelidik dalam membangunkan lebih banyak produk IID selari dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa.

11. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dan yang telah memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

12. Semoga hari ini menjadi titik permulaan untuk kita berkongsi idea dan pengetahuan dalam menghasilkan inovasi yang bakal membawa manfaat serta impak positif kepada masyarakat.

**Sekian,**

**Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**